

LAPORAN SUKU TAHUN KEDUA WAKAF SELANGOR MUAMALAT BAGI BULAN APRIL HINGGA JUN 2013

1.0 Aktiviti Semasa WSM (April – Jun 2013):

1.1 Taklimat dan Penerangan WSM

BIL	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1	Taklimat dan promosi WSM kepada kakitangan Jabatan Pematuhan BMMB	Jabatan Pematuhan, Ibu Pejabat BMMB	15 April 2013
2	Taklimat dan promosi WSM kepada Pegawai Kawasan dan Ketua Cawangan, Kawasan Selatan	BBMB Cawangan Kulai Jaya	26 April 2013
3	Persidangan Pengurusan Harta dan Kewangan Islam anjuran USIM (Pembentangan Kertas Kerja WSM) kepada peserta seminar	USIM, Port Dickson, Negeri Sembilan	26 April 2013
4	Buka ruang pameran penerangan dan edaran risalah WSM kepada pengunjung	Karnival Semarak Syariah, Masjid Negara	28 April 2013
5	Tazkirah dan Khutbah	Masjid Bandar Tasik Puteri, Rawang	17 Mei 2013
6	Edaran risalah WSM di Karnival <i>OH YEAH!</i>	Perkarangan Tempat Letak Kereta, Stadium Shah Alam	18-19 Mei 2013
7	Taklimat kepada bakal pesara tentera	Kem PERHEBAT, Sg Buloh	13 Jun 2013
8	Taklimat kepada bakal pesara tentera	Kem PERHEBAT, Sg Buloh	17 Jun 2013
9	Taklimat kepada bakal pesara dari JPA	Ibu Pejabat,, BMMB	23 Jun 2013

1.2 Majlis Penyerahan Sumbangan WSM

BIL	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1	Majlis Penyerahan Peralatan Asrama kepada Maahad Tahfiz Darul Quran wa Ulumuddin, Sg Besar.	Maahad Tahfiz Darul Quran wa Ulumuddin, Sg Besar	21 Mei 2013

2.0 Jumlah Kutipan Bulanan WSM (April – Jun 2013):

TAHUN	BULAN	JUMLAH BULANAN (RM)	JUMLAH (RM)
Baki dana WSM pada 31/3/2013			1,618,543.75
2013	April	257,071.18	511,502.47
	Mei	99,950.75	
	Jun	154,480.54	
JUMLAH KESELURUHAN DANA PADA 30/6/2013			2,130,046.22

Nota :

1. Dana Asas ialah sumbangan tunai yang diterima daripada pewakaf
2. Dana Manfaat ialah hasil atau keuntungan yang diterima bersumberkan dana asas seperti hibah dari simpanan akaun dana asas atau keuntungan pelaburan dana asas.

3.0 Pengeluaran Dana WSM (April - Jun 2013)

Pihak JPB amat prihatin dalam memastikan pahala para pewakaf tidak ditangguhkan walaupun dana wakaf terkumpul masih belum besar. Atas faktor ini, JPB memutuskan untuk melaksanakan projek wakaf yang mana jangkamasa pelaksanaannya pendek dan hanya memerlukan dana yang tidak besar.

Atas pertimbangan jumlah dana terkumpul yang masih lagi sederhana, JPB telah meluluskan pengeluaran dana WSM bagi dua projek pada bulan April hingga Jun 2013, seperti berikut :

BIL	PENGELUARAN DANA WAKAF	AMAUN KELUAR (RM)
A	Projek WSM	
1	Peralatan Asrama Maahad Tahfiz Darul Quran Wa Ulumuddin, Sg Besar (Pembayaran sebahagian peralatan asrama : 20 buah katil '2 tingkat', 100 buah tilam dan 50 buah almari)	32,240.00
2	Peralatan Perubatan Hospital Sg Buloh, Sg Buloh (Pembayaran bagi peralatan perubatan : 5 unit <i>Oxygen concentrator</i> , 5 unit <i>Reclining Wheelchair</i> , 5 unit <i>Detachable Armrest & Footrest Wheelchair (DAF)</i> , 10 unit <i>Standard Wheelchair</i> , 13 unit <i>Ripple Mattress</i> , 10 unit <i>Adjustable Folding Commode</i> , 10 unit <i>Walking Frame</i> , 10 unit <i>Quadrupped Walking Aid</i> , 10 unit <i>Adjustable Crutches</i> , 7 unit <i>Suction Pump</i>)	37,030.00
B	Lain-lain Perbelanjaan	
1	Buku Cek	7.50
Jumlah Pengeluaran (April - Jun 2013)		69,277.50
JUMLAH DANA SEMASA WSM SEHINGGA 30 JUN 2013		2,060,768.72